



SIARAN AKHBAR

MAJLIS BERDIKIR SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM 1442H / 2020M
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Hari Sabtu, 1 Rabiulawal 1442H bersamaan 17 Oktober 2020

Bandar Seri Begawan - Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir ke Majlis Berdikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bagi Tahun 1442H/2020M bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya dan penduduk setempat.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Arif bin Haji Johari, Imam Masjid, dan bacaan Dikir Syarafil Anam. Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban dan bacaan doa Allah Peliharakan Sultan diikuti dengan Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah.

Majlis tersebut diadakan bertujuan bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul dan untuk menggalakkan warga Kementerian ini untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Ianya juga merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mana pada tahun ini majlis dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 17 Oktober 2020